

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menggunakan kemudahan pengeluaran fleksibel umur 55 tahun bagi caruman KWSP pada 2011, 2012, 2013 dan 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah ahli yang telah diluluskan permohonan Pengeluaran 55 Tahun (Fleksibel) dari tahun 2011 - 2014 (setakat Ogos 2014) adalah

seramai 379,053 orang dengan nilai keseluruhan RM20,264.87 juta. Perincian permohonan Pengeluaran 55 Tahun (Fleksibel) yang telah diluluskan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Permohonan Diluluskan</b>	<b>Bilangan Ahli KWSP Diluluskan (orang)</b>	<b>Nilai yang Diluluskan (RM Juta)</b>
2011	103,500	67,888	RM3,809.81
2012	144,641	91,610	RM5,375.03
2013	184,983	113,041	RM6,262.53
2014 (setakat bulan Ogos)	156,040	106,514	RM4,817.50
<b>JUMLAH</b>		<b>379,053</b>	<b>RM20,264.87</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN :**

**YB DATO ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes denggi mengikut negeri-negeri, kawasan berisiko denggi mengikut negeri-negeri dan jumlah kematian akibat kes denggi mengikut negeri-negeri sepanjang 10 bulan pertama 2014.

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi tempoh Januari sehingga 15 November 2014 adalah sebanyak 91,002 kes dengan 118 kematian. Ianya merupakan jumlah kes dan kematian denggi tertinggi yang pernah dilaporkan dan telah melebihi jumlah kes keseluruhan tahun-tahun sebelumnya.

Bagi menangani situasi denggi di negara pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelan tindakan khas untuk pencegahan dan kawalan denggi iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014. Pelan tindakan ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan

Mengenai Denggi yang di pengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan mula dilaksanakan bermula 14 Julai 2014 di tiga buah negeri yang menyumbang kes denggi tertinggi iaitu Selangor serta WP Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan dan diperluas ke Kelantan bermula 17 Ogos 2014. Pelan ini dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan di empat buah negeri ini.

Berikut merupakan jumlah kes denggi mengikut negeri bagi tahun 2010 sehingga 2014 (sehingga 15 November 2014)

**KES DENGGI MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2014**  
**(sehingga 15 November 2014)**

NEGERI	2010		2011		2012		2013		2014 sehingga 15 November 2014	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	215	0	110	0	172	1	226	1	238	0
KEDAH	782	3	514	0	817	4	813	1	902	6
PULAU PINANG	1834	7	1579	3	791	1	1053	7	2,199	6
PERAK	2288	6	1411	2	1716	5	2519	4	5,049	14
SELANGOR	16367	45	7758	14	9113	12	23852	24	44,957	66
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	4205	6	2038	2	1814	5	2570	8	6,294	17
NEGERI SEMBILAN	1501	7	737	3	552	2	1198	1	3,333	8
MELAKA	1485	12	450	0	449	0	1505	9	2,424	6
JOHOR	4406	12	1583	7	1650	1	4828	24	5,358	21
PAHANG	1688	5	894	1	641	1	725	2	1,681	5
TERENGGANU	1472	3	675	1	739	0	600	0	1,429	2
KELANTAN	3578	11	743	1	1245	0	1427	2	14,020	17
SARAWAK	4240	14	974	0	1519	1	1292	4	1,916	5
SABAH	2091	3	402	2	672	2	724	5	1,191	5
WP LABUAN	19	0	16	0	10	0	14	0	11	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>46,171</b>	<b>134</b>	<b>19,884</b>	<b>36</b>	<b>21,900</b>	<b>35</b>	<b>43346</b>	<b>92</b>	<b>91,002</b>	<b>178</b>